

# Program Kacau Penganan Air Tangan Ibu Soko

**BELAJAR.** Program Mengacau Penganan Air Tangan Ibu Soko Luak Ulu Muar telah diadakan di Masjid Tuan Tulis Ismail, Kampung Talang, Kuala Pilah baru-baru ini.

Program tersebut yang disertai seramai 20 orang yang terdiri daripada ibu-ibu soko Luak Ulu Muar.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk

mempromosikan masakan tradisional air tangan ibu soko Luak Ulu Muar kepada masyarakat sekeliling di samping menjadikan sebagai menu utama dalam majlis rasmi kerajaan dan majlis adat.

Selain daripada itu, ia juga menjadi produk pelancongan peringkat dalam serta luar dan menepati perbidalan 'biar tahu dek nengok, pandai dek buek'.



**ANTARA** peserta yang menyertai program yang diadakan di Masjid Tuan Tulis Ismail, Kampung Talang, Kuala Pilah baru-baru ini.